

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH : 27 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkaitan penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa pilihan yang kekal di Dewan Rakyat (standing select committees) untuk Kementerian-kementerian yang penting seperti pertahanan, hal-hal dalam negeri, pendidikan, kesihatan, perumahan dan sebagainya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji secara mendalam dan komprehensif sistem Jawatankuasa Parlimen yang dilaksanakan di negara-negara Komanwel lain iaitu di Australia, Kanada dan United Kingdom untuk melihat model yang paling sesuai serta kerpluan logistik yang perlu disediakan. Laporan akhir berkenaan pelaksanaan sistem Jawatankuasa tersebut dijangka akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kabinet bagi mengkaji cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat setelah kajian selesai dijalankan

Sekian, terima kasih.